



PEKELILING PENGARAH PEJABAT TEKNOLOGI MAKLUMAT

Bilangan 02 Tahun 2015

GARIS PANDUAN PEROLEHAN MESIN PENCETAK (PRINTER) UNIVERSITI TEKNOLOGI MARA

TUJUAN

1. Pekeliling ini bertujuan untuk memperincikan Garis Panduan Perolehan Mesin Pencetak (*Printer*) di Universiti Teknologi MARA.

LATAR BELAKANG

2. Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014 yang berkuatkuasa pada 1 Mac 2014 telah memperjelaskan Garis Panduan Pengagihan Perkakasan IT bagi perkakasan mesin pencetak (*printer*).

3. Mesin pencetak (*printer*) merupakan keperluan semasa untuk menyokong kerja-kerja seharian terutama sekali untuk urusan dokumentasi.

4. Surat Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 11 Julai 2014 dengan nombor rujukan KPT.P.(S) 200-4/2/6/5 Jilid 6 (11) menetapkan bahawa semua perolehan mesin pencetak di UiTM yang menggunakan Bajet Pembangunan adalah melalui kaedah sewaan.

5. Surat Pejabat Teknologi Maklumat bertarikh 23 Julai 2014 dengan nombor rujukan 300-PTM (JPIT-3/2/1/1) menetapkan semua perolehan mesin pencetak adalah melalui kaedah sewaan.

6. Surat Pejabat Teknologi Maklumat bertarikh 14 Ogos 2014 dengan nombor rujukan 300-PTM (JPIT-3/2/1/1) mengecualikan penetapan perolehan mesin pencetak secara sewaan untuk pembiayaan menggunakan Geran Penyelidikan.

7. Jawatankuasa Penilaian dan Penggunaan Komputer dalam mesyuarat Bil 3/2015 bertarikh 2 Julai 2015 telah bersetuju untuk meluluskan cadangan Garis Panduan Perolehan Mesin Pencetak (*printer*) Universiti Teknologi MARA.

PELAKSANAAN

8. Semua perolehan mesin pencetak menggunakan Bajet Pembangunan yang disalurkan daripada Kementerian Pendidikan Malaysia adalah terikat dengan surat Kementerian Pengajian Tinggi bertarikh 11 Julai 2014 dengan nombor rujukan KPT.P.(S) 200-4/2/6/5 Jilid 6 (11) iaitu hanya melalui kaedah sewaan.
9. Semua perolehan mesin pencetak yang menggunakan Geran Penyelidikan adalah tertakluk kepada tatacara geran penyelidikan di bawah kelulusan Jawatankuasa Teknikal ICT (JTICT) Zon W9.
10. Semua perolehan mesin pencetak yang tertakluk kepada Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014 dan menggunakan lain-lain sumber kewangan **tidak** tertakluk dengan kaedah sewaan.

PINDAAN

11. Pekeliling ini hendaklah dibaca bersama Pekeliling Naib Canselor Bilangan 02 Tahun 2014 dan Pekeliling Bendahari 1 Tahun 2015.

TARIKH DIKELUARKAN


12. Pekeliling dikeluarkan pada 2 Julai 2015.

TARIKH KUAT KUASA

13. Pekeliling ini berkuat kuasa pada tarikh ia dikeluarkan.

PEMAKAIAN

14. Pekeliling ini adalah terpakai kepada semua staf Universiti Teknologi MARA.



PROF. MADYA MOHD ZAKI BIN ABDULLAH

Pengarah

Pejabat Teknologi Maklumat

Dikelilingkan Kepada :

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat/Unit

Semua Dekan-Dekan Fakulti

Semua Rektor-Rektor Kampus Negeri

Bil Fail : 100 PPF (PTA 9/10/4/JPPK)